

Kerajaan diminta benarkan DIBS

Oleh **NUR HANANI AZMAN**

ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 26 Sept. - Kerajaan diharap akan membenarkan semula pelaksanaan Skim Berjajaran Kepentingan Pemaju (DIBS) untuk pembeli rumah pertama dalam usaha meringankan tanggungan pengguna di Malaysia.

Presiden Ireka Corporation Bhd., Lai Voon Hon berkata, permintaan itu turut telah disalurkan oleh pemain-pemain industri hartanah menerusi Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) untuk dijadikan input dalam Bajet 2015.

Katanya, terlalu banyak spekulasi mengenai DIBS sebelum ini, walau bagaimanapun ia mempunyai kepentingan tersendiri dan

bakal memanfaatkan pembeli rumah pertama terutamanya kepada golongan muda yang baharu bekerja.

“Ini juga selaras dengan projek-projek Ireka yang sedang dibangunkan yang disasarkan kepada golongan belia,” katanya dalam sidang akhbar selepas mesyuarat agung tahunan di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Ireka, Ir. Abdullah Yusof dan Pengarah Eksekutif Ireka, Monica Lai Voon Huey.

Sementara itu, Monica berkata, buat masa ini syarikat mempunyai buku tempahan bernilai RM1.2 bilion dan buku tender sejumlah RM2 bilion yang merangkumi kira-kira



LAI VOON HON

tujuh projek di dalam negara.

Menurut beliau, Ireka bakal melancarkan dua lagi projek menjelang akhir 2014 dan menjangkakan lonjakan besar terhadap jumlah dagangannya dalam tempoh lima tahun akan datang.

“Keuntungan syarikat disumbangkan sebanyak 80 peratus daripada Ireka dan baki 20 peratus

oleh anak-anak syarikat yang turut memberi sumbangan signifikan kepada jualan keseluruhan.

“Ketika ini, kami mempunyai kira-kira 30.4 hektar tanah yang akan dibangunkan dalam tempoh dua hingga tiga tahun akan datang,” katanya.